



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 5 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HEATWAVE TAKES TOLL ON KEDAH PADI FIELDS, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 9	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	HANYA 0.1 PERATUS KAWASAN SAWAH DI BAWAH MADA MULA TANAM PADI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	
3.	HARGA BERAS BOLEH CECAH LEBIH RM6 SEKILO – MADA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
4.	RISIKO HARGA BERAS MENINGKAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	LAIN – LAIN
5.	HARGA BERAS RM60 JIKA BELIAN PADI RM3,000, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
6.	HARGA LANTAI PADI RM2,500 REALISTIK TAMPUNG KOS PENGELUARAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
7.	'CURB AGRO PRODUCE SMUGGLING INTO SABAH', NATION, THE STAR, M/S – 10	
8.	PERAK SEDIA RM3.7 JUTA SUBSIDI JUALAN MURAH, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2026	NEW STRAITS TIMES	NATION	9

DAMS' WATER LEVEL DROPS

HEATWAVE TAKES TOLL ON KEDAH PADI FIELDS

Only 0.1 per cent of padi fields under Mada have begun planting, says its chairman

NOORAZURA ABDUL RAHMAN
ALOR STAR
news@nst.com.my



A farmer looking over his drought-hit rice fields in Jitra, Kedah, on Saturday. NSTP PIC BY WAN NABIL NASIR

ONLY 0.1 per cent of padi fields under the Muda Agricultural Development Authority (Mada) have begun planting due to the prolonged heatwave and low rainfall.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said that although the planting rate was low, more than half of the areas were ready for cultivation.

He said monitoring up to April 29 showed 52.9 per cent of the areas had completed land preparation.

"Farmers are now in the preparation phase and waiting for sufficient rain before planting is carried out on a wider scale," he said at the Mada headquarters.

Ismail said the delay was due to the weather, with recorded rainfall far lower than usual.

"The average rainfall up to May 3 was only 233mm, 43 per cent lower than the 20-year average of 411mm.

"The hot and dry conditions with daily temperatures exceeding 35°C also contributed to this delay."

Meanwhile, he said water levels at the Pedu, Muda and Ahning dams have also dropped significantly.

He said total water storage was at 38.41 per cent, which is 67.91 per cent lower than in the same period last year.

Ismail said the situation directly affects the ability to release water to support padi planting activities.

"The risks include disruptions to mechanisation operations, water management and potential yield damage if the flowering and harvesting seasons occur during the rain. It could also disrupt the entire annual planting schedule."

However, he said close monitoring, rain-seeking prayers and cloud seeding operations were being done to increase rainfall.

He said the planting schedule remains under control, with the deadline for seeding for Phases 1, 2 and 3 set for May 15, May 29 and June 12, respectively.

Yesterday, the media reported that nearly 90 per cent of the

56,000 farmers in Kedah, including those in the Mada area, have not started planting for the 1/2026 season due to rising operating costs and low water supply.

Meanwhile, in Lipis, Deputy Energy Transition and Water Transformation Minister Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad said his ministry was conducting a study on the development of tube wells as a preparatory measure to address potential water crisis in the future.

He said the study, carried out by the National Water Research Institute of Malaysia, aims to identify new water sources in the event of supply disruptions.

"Based on forecasts, the hot weather is expected to continue until August, which could affect water resources.

"Nevertheless, through the efforts of relevant agencies, water supply nationwide remains under control. However, consumers must play an important role in reducing wastage," Bernama reported him as saying.

Hanya 0.1 peratus kawasan sawah di bawah MADA mula tanam padi

Pesawah kini berada dalam fasa persediaan sebelum tanaman dilakukan secara lebih meluas

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Hanya 0.1 peratus kawasan sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sudah memulakan penanaman padi susulan cuaca panas melampau dan kekurangan hujan yang menjejaskan jadual musim pertama tahun ini.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata walaupun kadar penanaman masih rendah, lebih separuh kawasan sawah, namun sudah siap untuk ditanam. Katanya, berdasarkan pementaian sehingga 29 April lalu, sebanyak 52.9 peratus kawasan sawah telah siap penyiediaan tanah.

"Sehingga kini, hanya 0.1 peratus kawasan memulakan penanaman. Namun, ini tidak bermakna aktiviti belum bermula sepenuhnya.

"Peladang kini berada dalam



Ismail ketika memberi penerangan mengenai pengurusan air di kawasan Muda. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

411 milimeter.

"Keadaan panas dan kering dengan suhu harian melebihi 35 darjah Celsius turut menyumbang kepada kelewatan ini," katanya.

Paras air empangan menurun

Beliau berkata, paras takungan air di Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahming juga menurun ketara.

Katanya, jumlah simpanan air kini hanya 38.41 peratus, iaitu 67.91 peratus lebih rendah berbanding purata 20 tahun sebelumnya.

Beliau berkata, paras air itu menjejaskan keupayaan pelepasan bagi menyokong penanaman padi.

Ismail berkata, pihaknya tidak menafikan kelewatan itu berpotensi memberi kesan terhadap pengeluaran padi sekitarnya berikutan.

"Antara risiko termasuk gangguan operasi mekanisasi, pengurusan air serta mungkin hasil terjejas jika musim berbunga dan pe-

muaian berlaku ketika hujan. "Ini juga boleh mengganggu keseluruhan jadual penanaman tahunan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelbagai langkah sedang dilaksanakan termasuk pemantauan rapi, solat sunat istisqa dan operasi pembenihan awan bagi meningkatkan taburan hujan.

Katanya, jadual penanaman masih berada dalam kawalan dengan tarikh akhir menabur bagi Fasa I, II dan III masing-masing pada 15 Mei, 29 Mei dan 12 Jun ini.

Beliau menasihatkan pesawah supaya bersedia memulakan penanaman sebaik sahaja hujan mencukupi.

"Penyelarasan kegiatan di lapangan amat penting bagi memastikan rantaian pengeluaran padi negara tidak terjejas," katanya.

BH kelmarin melaporkan kira-kira 90 peratus daripada 56,000 pesawah di Kedah termasuk di kawasan MADA belum memulakan penanaman padi bagi musim pertama tahun ini, susulan peningkatan kos operasi dan kekurangan bekalan air.

Pengerusi Pertubuhan Pesaudaraan Pesawah Malaysia (PesAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata keadaan itu bukan sahaja menjejaskan jadual penanaman malah boleh memberi kesan jangka panjang terhadap tahap sara diri diri beras negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Harga beras boleh cecah lebih RM6 sekilo - MADA

ALOR SETAR - Cadangan menetapkan harga lantai belian padi pada RM3,000 bagi setiap tan metrik berpotensi memberi kesan langsung kepada kenaikan harga beras.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh berkata, penetapan harga sedemikian tidak boleh dilihat secara terasing tanpa mengambil kira rantaian kos pengeluaran sehingga ke peringkat pengguna.

Menurutnya, sekiranya harga lantai padi dinaikkan kepada RM3,000, ia akan menyebabkan harga beras meningkat melebihi RM60 bagi setiap 10 kilogram.

"Kalau harga lantai RM3,000 dilaksanakan, secara mudahnya harga beras boleh melebihi RM6 sekilogram. Jadi, kita tidak boleh pisahkan antara harga padi dan harga beras," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat MADA.

Jelasnya, rekod menunjukkan kenaikan harga lantai padi sebelum ini hanya berlaku di bawah pentadbiran kerajaan Madani iaitu daripada RM1,200 kepada RM1,300 dan seterusnya kepada RM1,500.

Dalam pada itu, Ismail menafikan dakwaan MADA bersikap lepas tangan dalam menangani kemelut dihadapi pesawah susulan kenaikan harga diesel dan cuaca kemarau yang menjejaskan musim penanaman padi tahun ini.

"Sejak penyelarasan harga diesel pada 2024, kita sudah usahakan insentif khusus untuk jentera pertanian. Permohonan 'fleet card' telah dihantar kepada kementerian namun masih belum diluluskan," katanya.

Jelas beliau, kelewatan penanaman padi berpunca daripada gabungan faktor kenaikan kos diesel serta keadaan cuaca tidak menentu yang menjejaskan jadual kerja di lapangan.



Ismail (tengah) pada sidang akhbar di Ibu Pejabat MADA di Alor Setar pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Risiko harga beras meningkat

Pakar ekonomi sifatkan cadangan harga lantai padi RM3,000 kurang realistik

Oleh NORAFIDAH ASSAN

SHAH ALAM - Cadangan harga lantai belian padi pada kadar RM3,000 bagi setiap tan metrik disifatkan kurang realistik untuk dilaksanakan dalam keadaan semasa kerana berpotensi memberi tekanan kepada pengguna dan kewangan kerajaan.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali berkata, cadangan itu melibatkan kenaikan 100 peratus berbanding kadar semasa sekitar RM1,500 satu tan metrik.

Menurut beliau, kenaikan mendadak harga lantai itu boleh menyebabkan harga beras di pasaran turut meningkat sekiranya tiada mekanisme subsidi yang jelas dilaksanakan kerajaan.

"Kalau harga lantai dinaikkan sehingga RM3,000, persoalannya siapa yang akan tanggung tambahan RM1,500 itu sama ada pengguna atau kerajaan.

"Kalau harga pasaran ikut sekali naik, akhirnya pengguna yang akan menanggung beban melalui kenaikan harga beras," katanya.

Pada Ahad, Perikatan Nasional (PN) bersedia menetapkan harga lantai belian padi pada kadar RM3,000 bagi setiap tan metrik sekiranya diberi mandat membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).

Komitmen itu menurut Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan akan dimasukkan dalam manifesto gabungan berkenaan sebagai usaha meningkatkan pendapatan pesawah serta memperkukuh sektor agromakanan negara.

Jelasnya, kadar semasa sekitar RM1,500 per tan metrik dilihat tidak lagi mencukupi dan kenaikan kepada RM3,000 adalah munasabah bagi menjamin kelangsungan hidup pesawah.

Mengulas lanjut, Nuradli Ridzwan Shah berkata, sekiranya kerajaan mahu mengekalkan harga beras pada kadar semasa tetapi membayar harga lebih tinggi kepada pengeluar, kerajaan perlu menyedia-

kan subsidi tambahan yang besar.

Ujarnya, mekanisme itu bermaksud kerajaan menanggung perbezaan harga antara kadar pasaran dan harga lantai baharu bagi memastikan pesawah mendapat pulangan lebih tinggi tanpa menekan pengguna.

"Langkah itu akan beri implikasi besar terhadap kedudukan fiskal negara memandangkan kerajaan ketika ini sudah menanggung pelbagai bentuk subsidi lain.

"Beban subsidi yang terlalu tinggi berisiko menjejaskan keupayaan kerajaan untuk mengekalkan perbelanjaan dalam sektor penting seperti kesihatan dan pendidikan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berpandangan bantuan kepada pesawah tidak semestinya dilakukan melalui kenaikan harga lantai belian padi.

Sebaliknya katanya, kerajaan boleh mempertimbangkan kaedah lebih bersasar seperti pemberian baucar, subsidi baja atau bantuan input pertanian secara langsung kepada pengeluar.

"Kaedah ini lebih praktikal kerana dapat bantu pesawah meningkatkan pendapatan tanpa menyebabkan harga beras melonjak di pasaran.

"Pada masa sama, ia dapat mewujudkan situasi menang-menang antara pesawah, pengguna dan kerajaan tanpa mencetuskan herotan pasaran," katanya.



NURADLI RIDZWAN



Laporan Sinar Harian pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Jangan biar orang politik tunggang pesawah, tidak realistik

Harga beras RM60 jika belian padi RM3,000

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Janji Perikatan Nasional (PN) untuk menaikkan harga lantai belian padi kepada RM3,000 bagi setiap tan metrik sekiranya gabungan itu membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) tidak realistik, disifatkan sekadar janji pilihan raya semata-mata.

Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, janji tersebut tidak masuk akal dan jika dilaksanakan boleh menyebabkan harga beras melonjak sehingga RM60 bagi 10 kilogram.

Katanya, apabila harga beras terlalu tinggi, ia turut membuka ruang kepada kemasukan beras seludup khususnya dari Thailand yang harganya jauh lebih murah.

Beliau berkata, daripada menjanjikan harga belian padi kepada RM3,000 yang bakal memberi kesan kepada keseluruhan rantaian padi dan beras negara, adalah lebih baik dipertimbangkan kenaikan subsidi harga padi kepada pesawah dari RM500 kepada RM1,500.

“Tidak masuk akal (belian padi RM3,000) kerana ia sememangnya sukar untuk direalisasikan. Sekarang harga beras sekitar RM28 ke RM32 iaitu pada ketika harga belian padi sekitar RM1,500 ke RM1,800.

“Jika RM3,000, harga beras boleh melonjak sehingga RM60

‘Harga lantai padi RM3,000 sekiranya PN jadi kerajaan’

Oleh MUHAMMAD AMYI AHMAD

amyi.ahmad@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Perikatan Nasional (PN) menjanjikan harga lantai belian padi kepada RM3,000 bagi setiap tan metrik sekiranya gabungan itu membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) kelak.

Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, janji itu mungkin dilaksanakan kerana harga semasa belian per tan metrik tidak cukup berbeza dengan tuntutan dimahukan para pesawah.

Beliau berkata, penetapan harga yang lebih stabil akan



Kalau sekiranya tak ada orang yang mendengar kita buat amanah kebangkitan itu kita himpu pun kita tahu ada orang yang

UTUSAN
Malaysia
4 Mei 2026.

atau lebih. Bukan sekadar harga beras naik, ia turut memberi kesan kepada kenaikan harga barangan lain. Jangan bagi harapan terlalu tinggi kepada pesawah ia akan menyebabkan pesawah terus terhimpit.

“Jika boleh dilaksanakan, sudah tentu mana-mana kerajaan sebelum ini sudah lakukan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin akhbar ini melaporkan, PN menjanjikan harga lantai belian padi kepada RM3,000 bagi setiap tan metrik sekiranya gabungan itu membentuk kerajaan selepas PRU16.

Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dilaporkan berkata, janji itu mampu dilaksanakan kerana harga semasa ketika ini iaitu RM1,500 per tan metrik tidak banyak berbeza dengan tuntutan dimahukan para pesawah.

Takiyuddin berkata, penetapan harga yang lebih stabil akan berupaya memperhebat aktiviti pe-

nanaman padi menjadi semakin produktif disamping bantuan lain kepada petani.

Sementara itu, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 63, menegaskan, sekiranya pesawah mengadakan sebarang perhimpunan, jangan dibenarkan atau ia membuka ruang kepada orang politik menunggang isu pesawah ini.

Katanya, biar pesawah menguruskan masalah atau isu berbangkit melalui persatuan atau pertubuhan yang ada.

“Apabila orang politik masuk, mereka menjanjikan sesuatu yang agak tidak realistik. Malah, janji harga belian padi kepada RM3,000 itu, sangat tidak masuk akal sama sekali. Naikkan dulu harga belian padi kepada RM2,000 sebelum hendak pergi lebih jauh kepada RM3,000.

“Jika RM3,000 sekali pun, dalam keadaan ketika ini, pesawah tetap terbeban. Lebih baik, kerajaan menaikkan subsidi, lebih masuk akal,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Harga lantai padi RM2,500 realistik tampung kos pengeluaran

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menyelaras harga lantai padi kepada antara RM2,000 hingga RM2,500 per tan metrik berikutan peningkatan kos pengeluaran operasi dan kemerosotan hasil sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kadar itu dianggap realistik kerana harga lantai belian padi semasa adalah RM1,500 per tan metrik tidak lagi mampu membantu pesawah menampung kenaikan kos input.

Kenaikan harga lantai belian padi penting sebagai pendorong kepada pesawah, susulan tahap sara diri beras negara yang kekal sekitar 48 peratus, masih jauh daripada sasaran melebihi 75 peratus yang ditetapkan pada 2025.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, kenaikan hampir keseluruhan kos pengurusan dan pengeluaran ketika ini memberi tekanan besar kepada pesawah di seluruh negara.

Menurutnya, dari segi pendapatan, pesawah hanya mampu mencatat keuntungan sekitar RM400 hingga RM500 sekiranya harga lantai mencecah sekurang-kurangnya RM1,800 bagi setiap tan metrik.

“Jika harga jatuh di bawah paras itu, pesawah sebenarnya menanggung kerugian kerana kos pengeluaran tidak dapat ditampung

“Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan pesawah malah memberi kesan langsung kepada keselamatan makanan negara.



CHE ANI MAT ZAIN

“Justeru, harga lantai yang realistik adalah sekitar RM2,000 hingga RM2,500 per metrik tan bagi menampung kos pengeluaran yang semakin meningkat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Che Ani, sasaran kerajaan untuk mencapai tahap sara diri beras lebih 75 peratus pada tahun 2025 gagal dicapai memandangkan kadar pendapatan pesawah semasa hanya sekitar 48 peratus.

Jelasnya, hal ini juga disebabkan kemerosotan hasil padi secara ketara tempoh tiga hingga empat tahun kebelakangan ini.

“Di bawah Mada, ada kawasan mencatatkan penurunan sehingga 30 hingga 50 peratus.

“Jurang besar antara pencapaian semasa dan sasaran itu menjadikan usaha untuk meningkatkan tahap sara diri sebagai sesuatu yang hampir mustahil tanpa perubahan dasar yang menyeluruh,” ujarnya.

'Curb agro produce smuggling into Sabah'

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Smuggling of agricultural products into the state remains a concern, affecting the local market, says Datuk Jamawi Jaafar.

The Sabah Agriculture, Fisheries and Food Industries Minister said illegally imported farm produce, often sold at lower prices, undermines the livelihood and income of local farmers.

"Therefore we need greater cooperation with security and enforcement agencies such as the Customs Department, General Operations Force, Marine Police and the police to curb these illegal activities," he said after visiting a fertigation and hydroponic farm in Papar yesterday.

Jamawi said close and coordinated collaboration is essential to

ensure consistent food quality while safeguarding the income of farmers in the state.

He said Sabah aims to strengthen biosecurity measures on imported agricultural products to better protect the local agriculture industry.

Earlier during the visit, he said the Malaysia Good Agricultural Practices (MyGAP) certification should be expanded to uphold food safety and quality standards while boosting local yields.

He said the certification demonstrates that production adheres strictly to regulations, including the use of minimal and environmentally friendly chemicals.

Jamawi said the approach should serve as a benchmark for agropreneurs and industry players in Sabah.

"We need to educate the public to choose food sources that have



Green ventures:

Jamawi (right) listening to Owan's Farm supervisor Mohd Ikmal Zuhairi Ismadi shedding light on hydroponic farming.

been verified by the Agriculture Department," he said, adding that such measures help raise awareness of the importance of food safety and quality.

Jamawi said it's also a way to

boost greater appreciation for quality food, adding the ministry will continue to support local producers, including those in the fertigation and hydroponic sectors.

He said plans are underway to

bring together industry players and entrepreneurs for a networking and information-sharing session to facilitate the exchange of ideas and support business growth.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Perak sedia RM3.7 juta subsidi jualan murah

Langkah bantu rakyat berdepan peningkatan kos sara hidup susulan krisis tenaga global



Oleh SAIFULLAH AHMAD

PARIT BUNTAR - Kerajaan Perak memperuntukkan sebanyak RM3.7 juta bagi pelaksanaan inisiatif jualan bersubsidi menerusi Pasar Sejahtera Rakyat Perak tahun ini sebagai langkah membantu rakyat berdepan peningkatan kos sara hidup susulan krisis tenaga global.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, inisiatif tersebut merupakan antara langkah di bawah Fasa 1 Langkah Mitigasi Impak Krisis Asia Barat Negeri Perak bagi tempoh April hingga Jun 2026.

Menurutnya, daripada jumlah keseluruhan peruntukan itu sebanyak RM2 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Pasar Sejahtera Rakyat Perak yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah di semua daerah dengan penganjuran secara berkala setiap bulan.

"Pasar Sejahtera Rakyat Perak berperanan sebagai payung subsidi kerajaan negeri yang menawarkan barangan keperluan asas termasuk barangan kering dan basah pada harga sekurang-kurangnya lima peratus lebih rendah berbanding pasaran setempat.

"Pelaksanaan program ini diselenggarakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah serta diperluas ke kesemua kawasan Dewan



Saarani (dua dari kiri) turut mengumumkan harga istimewa kepada pengunjung sempena pelancaran Pasar Sejahtera Rakyat Perak di pekarangan Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian di Parit Buntar pada Isnin.

Negeri bagi memastikan manfaatnya dapat dirasai oleh rakyat di peringkat akar umbi," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Siri Ketiga Tahun 2026 di Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian di sini pada Isnin.

Sementara itu, Saarani berkata, menerusi inisiatif itu sebanyak RM1.2 juta lagi disalurkan bagi menjayakan Jualan Sejahtera Rakyat di kesemua 59 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) menerusi kerjasama Yayasan Bina Upaya bersama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC).

"Kerajaan negeri turut menyediakan RM400,000 bagi pelaksanaan Jualan Sejahtera Rahmah melalui Program Jelajah Sejahtera Desaku yang memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar terpilih.

"Baki RM100,000 pula diperuntukkan bagi Jualan Koperasi Perak Sejahtera yang melibatkan penyertaan koperasi tempatan dengan sasaran memberi manfaat kepada lebih 1,000 keluarga," katanya.

Saarani berkata, pelaksanaan program tersebut diselenggarakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah serta diperluas ke semua kawasan DUN bagi memastikan manfaatnya dapat dirasai secara menyeluruh hingga ke peringkat akar umbi.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Program Mesra HBP Siri Ketiga Tahun 2026 yang berlangsung di Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian menjadi platform penting bagi kerajaan negeri mendekati rakyat serta menyelesaikan isu secara langsung.

Katanya, program itu melibatkan pelbagai kaunter khidmat pelanggan daripada jabatan dan agensi kerajaan negeri termasuk kaunter bergerak bagi memperluas capaian perkhidmatan kepada orang ramai.

"Bagi siri ketiga ini, sejumlah 140 aduan baharu telah direkodkan melibatkan pelbagai isu rakyat. Secara keseluruhan, sebanyak 460 aduan telah diterima setakat ini, dengan 388 aduan berjaya diselesaikan, manakala baki 72 aduan (16 peratus) sedang dalam tindakan lanjut oleh pihak berkaitan.

"Program ini membolehkan rakyat menyuarkan aduan serta mendapatkan penyelesaian segera terhadap isu yang dihadapi, selaras komitmen kerajaan negeri dalam meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan," katanya.

Terdahulu, Saarani turut menyaksikan sesi penyerahan kunci Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian bernilai RM42.5 juta yang dijangka menjadi pusat sehenti pentadbiran moden dan efisien.

Menurutnya, kemudahan tersebut bakal memperkukuh infrastruktur pentadbiran negeri sekaligus meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih responsif serta berfokuskan rakyat.

REAKSI



Saya dapat tahu tentang jualan ini melalui media sosial. Bila datang memang sangat murah dan menjimatkan. Saya harap sekurang-kurangnya sebulan sekali boleh diadakan jualan murah seperti ini."

- Suri rumah, Wan Norliana Mior Ahmad Sabri, 35.



Dengan harga barang yang semakin mahal, jualan murah ini sangat membantu. Kalau boleh, buatlah sekerap mungkin, kalau setiap minggu lagi bagus."

- Berkerja sendiri, Badrul Syam Dali, 52



Program ini beri manfaat kepada golongan warga emas. Harga berpatutan dan memang bantu meringankan beban rakyat. Saya tahu program ini melalui Facebook."

- Pesara, Azlan Noor Sabran, 66



Program seperti ini memang banyak membantu usahawan seperti kami, terutama dalam keadaan ekonomi sekarang. Ia beri peluang tambah pendapatan dan memperkenalkan produk kepada pelanggan baharu."

- Usahawan, Amirul Hisyam Abdullah, 57



Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan barangan keperluan sempena pelancaran Pasar Sejahtera Rakyat Perak di Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian pada Isnin.